

B B669 DEB  
MAHATHIR - PENJARA

MARANG, 17 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN SENTIASA Mencari jalan mengetatkan lagi kawalan di semua penjara di negara ini untuk mengelak kejadian yang boleh mengganggu-gugat hidup rakyat di masa depan.

Perdana Menteri berkata kawalan yang tidak cekap terhadap banduan di negara ini menyebabkan berlaku kejadian banduan lepas diri dari penjara kebelakangan ini dan hal itu membawa masalah kepada kerajaan.

Pada masa ini ramai banduan dapat melepaskan diri daripada penjara dan jika tidak ditangkap semula dengan cepat, mereka boleh membabitkan diri dalam jenayah yang lain, kata beliau yang juga menteri dalam negeri ketika merasmikan penjara terbuka Marang, di sini petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika kawalan yang lebih ketat tidak dilaksanakan di penjara-penjara, kejadian melepaskan diri daripada tahanan serta menjadikan orang awam sebagai tebusan seperti di penjara Pudu dan Kuantan boleh berulang lagi di masa depan.

Beliau menambah jika kejadian-kejadian seperti itu terus berlaku, ia akan membawa masalah kepada kerajaan dan hidup rakyat akan terganggu. -- Lagi

1942MST 17 04 87

B B677 DEB  
MAHATHIR - PENJARA 2 MARANG

Oleh itu adalah penting bagi kerajaan mencari jalan mengetatkan lagi kawalan di penjara-penjara dari masa ke semasa.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia merupakan sebuah negara yang memberi perhatian terhadap kebajikan banduan dengan membina penjara-penjara terbuka dan menyediakan pelbagai latihan ketika mereka dalam tahanan.

Beliau berkata latihan-latihan yang disediakan di penjara-penjara terbuka bertujuan memberi kesenangan dan kemudahan kepada banduan memperoleh pekerjaan, di samping menyesuaikan diri dengan masyarakat apabila tamat menjalani hukuman kelak.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap dengan adanya usaha kerajaan itu, banduan akan insaf dan sedar dan usaha itu diharap memastikan mereka tidak akan membawa apa-apa masalah di masa depan.

Kerajaan mengalakkan pembinaan penjara terbuka di negara ini kerana ia menjimatkan perbelanjaan, melalui penggunaan tenaga banduan sendiri, katanya. -- Lagi

2004MST 17 04 87

B B681 DEB  
MAHATHIR - PENJARA 3 MARANG

Perdana Menteri menerangkan bahawa penggunaan tenaga banduan itu tidak berniat untuk menyalahgunakan tenaga mereka tetapi ia secara langsung dapat membantu kerajaan menjimat kos pembinaan penjara berkenaan.

Mengenai penyalahgunaan najis dadah, beliau berkata sama ada hukuman gantung yang dilaksanakan itu didapati berkesan atau tidak, ia sesungguhnya sudah dapat membuktikan bahawa kejadiannya sudah berkurangan.

Ini mungkin kerana mereka yang terbabit dalam jenayah itu merasa takut dengan hukuman yang boleh dikenakan terhadap mereka, tambahnya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan menganggap hukuman gantung yang diperkenalkan itu masih belum mencukupi malah usaha ke arah mengetatkannya (undang-undang) akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Katanya, kerajaan tidak lama lagi akan meluluskan undang-undang merampas harta benda mereka yang terbabit dengan penyalahgunaan dadah. -- Lagi

2008MST 17 04 87

D708

B B682 DEB  
MAHATHIR - PENJARA 4 MARANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA LANGKAH INI BERTUJUAN MENYEDARKAN MEREKA YANG TERBABIT BAHAWA MEREKA TIDAK MUDAH TERLEPAS DARIPADA HUKUMAN.

SEKIRANYA MEREKA TERLEPAS DARIPADA HUKUMAN GANTUNG, MEREKA AKAN TETAP TERASA TERANCAM KERANA HARTA BENDA MEREKA TELAH DIRAMPAS.

KATANYA, KERAJAAN TERPAKSA MENGETATKAN LAGI UNDANG-UNDANG DI NEGARA INI BAGI MENGELAKAN KEJADIAN JENAYAH YANG KIAN BERLELUASA KHUSUSNYA DALAM ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG.

SEKIRANYA UNDANG-UNDANG TIDAK DIPERKETATKAN, PENJENAYAH-PENJENAYAH TIDAK AKAN MERASA TAKUT UNTUK TERUS MELAKUKAN JENAYAH MALAH MEREKA AKAN BERANGGAPAN BAHAWA MELAKUKAN JENAYAH BOLEH MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA DIRI MEREKA, TAMBANYA. -- BERNAMA  
2010MST 17 04 87